



## SIARAN AKHBAR

### MAJLIS HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2016 DEWAN TEATER, KEMENTERIAN KEWANGAN

**21 SYAABAN 1437 BERSAMAAN DENGAN 28 MEI 2016**

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Tabung Amanah Perkerja (TAP) dan institusi-institusi berkenaan telah mengadakan Majlis Hari Menabung Kebangsaan 2016 di Dewan Teater, Kementerian Kewangan pada hari Sabtu, 21hb Sya'ban 1437H bersamaan dengan 28hb Mei 2016M.
2. Hadir sebagai Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II selaku Ahli Lembaga Pengarah AMBD. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd Roselan bin Haji Mohd Daud, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hisham bin Haji Mohd Hanifah, Timbalan Menteri Kewangan; ahli-ahli Lembaga Pengarah AMBD; Setiausaha Tetap - Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan; dan Ketua-Ketua Eksekutif Institusi-Institusi Kewangan di Negara Brunei Darussalam.
3. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat oleh Yang Mulia Hj Azrol Alim Hj Zaini, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
4. Seterusnya, Yang Mulia Awang Yusof bin Hj Abd Rahman, Pengarah Urusan AMBD, menyampaikan ucapan alu-aluan, dan diikuti dengan ucapan daripada Tetamu Kehormat, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd Rahman bin Haji Ibrahim, yang juga telah merasmikan pelancaran Financial Planning Association of Brunei Darussalam (FPAB).
5. Penyampaian hadiah bagi pemenang-pemenang Peraduan Menulis Karangan sempena Hari Menabung Kebangsaan 2016 juga turut diadakan, di mana peraduan ini telah dibukakan kepada murid-murid tahun 5 bagi sekolah-sekolah rendah seluruh negara. Pemenang-pemenang peraduan tersebut ialah Nursuhaila binti Lasa dari Sekolah Rendah Orang Kaya Ali Wanika Setia Diraja di tempat pertama, Sarah Pang Yin Zia dari St. Andrew's School di tempat kedua, dan Nurul Syuhaidah binti Mohd Shah dari Sekolah Rendah Pg Setia Jaya Pg Abdul Momin di tempat ketiga.
6. Yang Berhormat Pehin seterusnya melawat *Financial Planning Showcase*, iaitu pameran yang mengetengahkan produk dan perkhidmatan pengurusan kewangan, anjuran FPAB. Antara institusi-institusi kewangan yang turut memperkenalkan produk dan perkhidmatan masing-masing adalah Biro Kredit AMBD, Tabung Amanah Pekerja (TAP), Baiduri Bank Berhad, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Takaful Brunei Keluarga (TBK).

7. Sempena Hari Menabung Kebangsaan 2016 ini, AMBD dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan TAP telah mengadakan beberapa jerayawara di keempat-empat daerah dan juga mengadakan *Financial Fun Fair* di Jerudong Park Colonnade. Acara terakhir bagi Hari Menabung Kebangsaan 2016 ini adalah program *Financial Planning Day 2016* yang dibukakan kepada industri kewangan di Negara Brunei Darussalam dan diadakan pada hari Isnin, 30 Mei 2016M di Empire Hotel and Country Club.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 21 Syaaban 1437 / 28 Mei 2016  
Rujukan: AMBD/R/FCP/NSD2016